

## KATA ALU-ALUAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-25 FKKSA berjaya diadakan mengikut perancangan. Sebagai pembuka kata, saya bagi pihak jawatankuasa penganjur mengalukan kedatangan pengurusan tertinggi Universiti Teknologi Malaysia (UTM), tetamu kehormat, alumni, staf dan mantan staf Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli (FKKSA), serta mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis yang murni ini. Sesungguhnya penyertaan hadirin melambangkan sokongan padu terhadap majlis yang amat dinanti ini, manakala segala penajaan dan sumbangan yang diberi menunjukkan komitmen dan kesungguhan hadirin terhadap pelaksanaan majlis terbabit.

Objektif majlis ialah membolehkan pengurusan tertinggi UTM, alumni, wakil syarikat, staf dan mantan staf fakulti berkumpul dalam satu dewan untuk mengeratkan silaturahim, bertukar pendapat tentang akademik, berbincang ke arah keprofesionalan dan pemupukan hala tuju yang jelas demi melahirkan modal insan yang mampu bersaing pada peringkat global. Memang benar, sehingga kini, fakulti berjaya melahirkan beberapa orang graduat yang kini bekerja dengan syarikat antarabangsa di rantauan, misalnya di Timur Tengah, Afrika, dan Amerika Syarikat. Sesungguhnya bilangan ini memang boleh ditingkatkan. Sehubungan itu, majlis sebegini mampu mencipta peluang seluas-luasnya untuk hadirin supaya dapat terus membantu fakulti dalam melahirkan modal insan yang bertaraf antarabangsa, selaras dengan tema ‘Fakulti Gemilang, Graduat Terbilang’. Manfaatkan sepenuhnya peluang ini yang hanya hadir 25 tahun sekali.

Memang lumrah hidup manusia yang tidak dapat lari daripada saat manis dan sedih. Saat manis kami ialah apabila majlis ini mendapat sambutan hebat daripada alumni, staf, dan industri sehingga bilangan meja yang dirancangkan pada asalnya sebanyak 20 buah terpaksa ditingkatkan kepada 38 buah. Saat sedihnya pula ialah kita terpaksa menolak permohonan penyertaan banyak alumni lain berikutan ketiadaan ruang lagi.

Sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan dalam ruangan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjur yang telah melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh komitmen tanpa mengenali penat-lelah bagi merealisasikan majlis perasmian dan makan malam ini. Ucapan yang sama turut ditujukan kepada pengurusan tertinggi UTM, tetamu kehormat, alumni, wakil syarikat, staf dan mantan staf fakulti, Puan Siti Norulhana binti Hj. Miskan dan stafnya, serta mereka yang hadir kerana menjayakan majlis makan malam ini, termasuk para penaja dan penyumbang.

Izinkan saya menyampaikan pantun berikut sebagai *dessert* minda:

*Gendang gendut tali kecapi,  
Kenyang perut suka hati,  
Segala sokongan yang anda beri,  
Jutaan terima kasih kata diberi.*

*Bak kata saudara Sazali,  
Lagi 25 tahun jumpa semula,  
Segala yang baik daripada Ilahi,  
Adanya kecacatan kelemahan saya.*

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR MADYA ISSHAM BIN ISMAIL,**  
**PENGARAH,**  
**SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-25 FKKSA**